

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**  
**26 JUN 2013**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
  - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
  - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
  - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
  - Bahagian A : Semua Soalan
  - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
  - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**SEMOGA BERJAYA**

## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah

1. Tempoh lantikan memangku bagi jawatan-jawatan berpelembagaan, jawatan Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian di kementerian-kementerian yang bertaraf Pengarah, adalah selama?
  - a. 10 hari atau lebih
  - b. 11 hari atau lebih
  - c. 12 hari atau lebih
  - d. 1 hari atau lebih
  
2. Berapakah kadar caruman yang dikenakan kepada peserta dan majikan bagi Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP)?
  - a. 5% bagi peserta dan 5% bagi majikan
  - b. 3.5% bagi peserta dan 3.5% bagi majikan
  - c. 3.5% bagi majikan dan 2.5% bagi peserta
  - d. 2.5% bagi peserta dan 3.5% bagi majikan

3. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2000 adalah berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan. Apakah hukuman terhadap seorang pegawai atau kakitangan yang melanggar dan sabit kesalahan yang dinyatakan dalam Bab 5 Akta Rahsia Rasmi Kerajaan?
- Denda tidak melebihi \$10,000 atau hukuman penjara tidak lebih dua tahun
  - Denda tidak melebihi \$10,000 dan hukuman penjara tidak lebih dua tahun
  - Denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali
  - Denda tidak melebihi \$5,000 dan hukuman penjara tidak lebih dua tahun
4. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007, pengambilan gaji hari Lepas dan Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND), Setiausaha Tetap/Ketua Jabatan hendaklah menghadapkan sokongan secepat mungkin kepada Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bagi pegawai yang diambil berkhidmat bergaji hari untuk dilantik secara tetap
- Tidak lebih tiga(3) bulan dari tarikh melapor untuk bertugas
  - Tidak lebih enam (6) bulan dari tarikh melapor untuk bertugas
  - Tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh melapor untuk bertugas
  - Tidak lebih sembilan (9) bulan dari tarikh melapor untuk bertugas
5. Berapakah kadar bonus dalam peratus (%) berdasarkan Penilaian Prestasi ditahap Memerlukan Pembaikan seperti yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/1992?
- 100%
  - 50%
  - 75%
  - 0%

6. Kementerian atau jabatan manakah yang boleh mengeluarkan Surat Keliling bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan dasar serta peraturan hal ehwal kewangan sahaja?
- Kementerian Kewangan
  - Jabatan Perbendaharaan
  - Jabatan Audit
  - Jabatan Perdana Menteri
7. Bagaimanakah tatacara perhubungan persuratan yang digunakan dalam Perkhidmatan Awam di antara Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dengan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri?
- Surat (Letterhead)
  - Memorandum
  - Minit
  - Surat Keliling
8. Apakah kemungkinan tindakan yang akan diambil terhadap seorang pegawai kerajaan yang tidak hadir bekerja tanpa kebenaran ketua jabatannya sepertimana yang dinyatakan dalam bab 8 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83?
- Digantung serta merta daripada menjalankan tugas
  - Ditahan gajinya sehingga ada ketetapan Penguasa Tatatertib
  - Digantung tugas dan gajinya hanya dibayar separuh sahaja
  - Summary dismissal

9. Seorang pegawai dalam bahagian II telah dinaikan pangkat ke bahagian I pada 4 Januari 2013. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya seterusnya?
- a. 31 Disember 2014
  - b. 1 Februari 2014
  - c. 4 Januari 2014
  - d. Tidak ada kenaikan
10. Berapakah kadar maksimum baki cuti yang terkumpul pada bila-bila masa?
- a. 108 hari
  - b. 100 hari
  - c. 105 hari
  - d. 60 hari
11. Cuti Lebih Masa (*off-in-lieu*) tidak diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam Bahagian?
- a. I dan II
  - b. III dan IV
  - c. III, IV dan V serta pekerja bergaji hari
  - d. I, II, III, IV dan V serta pekerja bergaji hari

12. Salah satu syarat kelayakan bagi Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas) hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya
- Baik 2 tahun kebelakangan
  - Sangat Baik 2 tahun berturut-turut
  - Cemerlang 1 tahun dan Baik 1 tahun
  - Sangat Baik 1 tahun dan Baik 1 tahun.
13. Berikut adalah senarai jenis-jenis lantikan dalam Perkhidmatan Awam kecuali
- Tetap
  - Kontrak
  - Open Vote
  - Peminjaman (secondment)
14. Elaun pakaian bagi pegawai-pegawai yang menjalankan tugas-tugas rasmi di luar negeri di negara-negara yang berhawa sejuk. Barapakah kadar dan tempoh elaun yang dibayar ?
- \$1500 setiap 3 tahun
  - \$1500 setiap 2 tahun
  - \$500 setiap 3 tahun
  - \$ 500 setiap 2 tahun

15. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/2011, semua pegawai dalam perkhidmatan tertentu diberikan elaun cuti sekali sahaja bagi tiap-tiap empat (4) tahun perkhidmatan? Perkhidmatan yang dimaksudkan adalah
- Tetap, Sebulan Ke Sebulan dan Open Vote
  - Tetap, Sebulan Ke Sebulan dan Kontrak Luar Negeri
  - Tetap, Open Vote dan Gaji Hari
  - Peminjaman, Sebulan Ke Sebulan dan Open Vote
16. Awang bin Ahmad, Pegawai Luar dalam tanggagaji D123EB45 di Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan. Sila nyatakan Penguasa Tatatertib bagi Awang Ali bin Ahmad?
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - Ketua Pengarah Kerja Raya
  - Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
17. Berikut adalah kemudahan-kemudahan yang dihulurkan bagi mereka yang dibenarkan mengikuti kursus Latihan Dalam Perkhidmatan secara Cuti Belajar Dalam Negeri, kecuali?
- Elaun Buku
  - Elaun Kacamata
  - Elaun Tempat Tinggal
  - Elaun Projek

18. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan berikut boleh dilantik memangku kecuali?
- a. Tetap Bahagian I, II, III dan IV.
  - b. Sebulan Ke Sebulan
  - c. Kontrak (tempatan)
  - d. Open vote
19. Pembayaran gaji kepada pegawai atau kakitangan perempuan yang mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 60 hari ialah?
- a. Dibayar gaji penuh
  - b. Diberikan saguhati sebanyak \$200.00
  - c. Dibayar separuh gaji
  - d. Tidak dibayar gaji
20. Elaun gangguan akan dibayar pada tiap-tiap masa dalam mana seorang pegawai ditukar tempat kerja dari satu tempat ke satu tempat dalam keadaan seperti berikut kecuali
- a. Ditukar atau ditempatkan dari daerah ke satu daerah yang lain
  - b. Pegawai berkenaan dikehendaki berpindah dan ia melibatkan berpindah rumah dengan keluarga
  - c. Pertukaran atau penempatan atas arahan Ketua Jabatan
  - d. Atas permohonan pegawai berkenaan kerana persekolahan anak-anaknya.



21. Berapakah jumlah maksimum cuti sakit yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Persendirian ?
- a. Tidak melebihi 1 hari
  - b. Tidak melebihi 2 hari berturut-turut
  - c. Tidak melebihi 7 hari
  - d. Tidak ada had
22. Mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008 iaitu Kadar Elaun Memangku menurut para 4.2 dibayar pada kadar:
- a. 1/3 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - b. 1/5 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - c. 1/4 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - d. 2/3 dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
23. Ciri-ciri penilaian prestasi bagi pegawai bahagian III dan IV kecuali?
- a. Mutu kerja
  - b. Kelakuan
  - c. Kepimpinan
  - d. Pengendalian mesin/peralatan pejabat

24. Waktu bekerja dalam perkhidmatan awam adalah minimum?
- a. 5 ½ jam sehari
  - b. 7 ½ jam sehari
  - c. 8 jam sehari
  - d. 6 ½ jam sehari
25. Pegawai-pegawai yang dikehendaki lulus peperiksaan Peraturan-Peraturan Am dan Perkhidmatan Kerajaan(GO) dan Peraturan-Perturan Kewangan(FR) menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012 kecuali?
- a. Pegawai Kakitangan
  - b. Pegawai Kewangan
  - c. Pegawai Pentadbir
  - d. Pegawai Perkhidmatan Pengurusan
26. Berapakah umur minimum bagi pegawai lelaki dalam perkhidmatan berpencen dibolehkan bersara awal?
- a. 45 tahun
  - b. 40 tahun
  - c. 35 tahun
  - d. 50 tahun

27. Sistem Waktu Fleksibel(SWF) telah diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam dan mula berkuatkuasa pada 1 Mei 2003 menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2003. Perkhidmatan manakah SWF ini dikhususkan?

- a. Perkhidmatan Gaji Hari
- b. Perkhidmatan Pelanggan
- c. Perkhidmatan Gaji Bulan
- d. Perkhidmatan Kaunter

28. Jabatan awda telah menerima memorandum daripada Biro Mencegah Rasuah bertarikh 7 Mei 2012, memaklumkan bahawa Awang Donglah Bin Dol salah seorang daripada pegawai awda dalam Bahagian III telah terlibat dengan kes rasuah. Kesnya masih dalam penyiasatan untuk dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan menerima wang daripada Syarikat.

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998, salah satu tindakan segera yang awda patut buat ialah menahan gaji dan elaun. Berapa peratuskah dari gaji dan elaun Awang Donglah Bin Dol akan ditahan?

- a. 100%
- b. 75%
- c. 50%
- d. Tidak ada penahanan.

29. Terdapat 11 ciri rukun akhlak dan etika kerja. Salah satu di antara ciri-ciri berkenaan yang mana ciri yang lebih tepat?

- a. Bersih, jujur dan amanah amalan mulia
- b. Bersih, jujur, amanah tanggungjawab semua
- c. Bersih, jujur dan amanah sifat terpuji
- d. Bersih, jujur dan amanah membawa berkat

30. Berikut adalah teknik-teknik Kumpulan Kerja Cemerlang(KKC) kecuali?

- a. Gantt Chart
- b. Penapisan senarai
- c. Fish bone
- d. Balanced Score Card

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Kaedah Pengiklanan 38b
2. Tatacara Penetapan Tarikh Lahir Dalam Perkhidmatan Awam
3. Tindakan Tatatertib Bagi Permohonan Keluar Negeri Tanpa Kebenaran
4. Tatacara Hadiah Yang Diterima Untuk Diistiharkan Kepada Pihak Berkuasa
5. Kadar Caruman Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan Skim Persaraan Caruman Tambahan (SCP)
6. Syarat-Syarat Kurnia Elaun Khas
7. Istilah Latihan Jangka Pendek Di Luar Negeri
8. Peraturan Ketika Cuti Beranak
9. Syarat-Syarat Pencen dan Baksis Bersara Wajib
10. Berjimat Cermat Asas Kemakmuran.

## BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga(3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua(2) soalan sahaja daripada tiga(3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17½ markah

### SOALAN 1

Peraturan Cuti Tahunan yang dikawal melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 17/1992 telahpun dipinda melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 5/2010 yang dikuatkuasakan mulai 1 Mac 2010.

- a) Apa yang dimaksudkan dengan Cuti Mandatori? **(2½ markah)**
  
- b) Bagaimanakah tatacara pengambilan Cuti Mandatori? **(7 markah)**
  
- c) Cuti Mandatori layak diberikan pada setiap ulang tahun tarikh lantikan. Apakah yang dimaksudkan dengan ulang tahun tarikh lantikan? **(4 markah)**
  
- d) Terangkan rasionalnya Cuti Mandatori diperkenalkan? **(4 markah)**

## SOALAN 2

Bab 35 daripada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 adalah mengenai Penguasa Tatatertib bagi pegawai dan kakitangan kerajaan.

- a) Sila nyatakan Penguasa Tatatertib bagi pegawai/kakitangan yang dalam Bahagian I, II, III, IV dan V serta bergaji hari? **(2 markah)**
  
- b) Apakah dasar-dasar yang digunakan dalam melaksanakan tindakan tatatertib? **(5 markah)**
  
- c) Berikan LIMA (5) sahaja peraturan-peraturan yang mengawal pegawai-pegawai kerajaan? **(2½markah)**
  
- d) Terangkan yang dimaksudkan dengan waktu bekerja bagi pegawai-pegawai kerajaan sepertimana yang dinyatakan dalam Bab 4 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan Dan Tatatertib) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83? **(4 markah)**
  
- e) Bab 5 daripada Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83 adalah mengenai masa pegawai. Terangkan yang dimaksudkan dengan masa pegawai? **(4 markah)**

### SOALAN 3

Sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam mula diperkenalkan pada tahun 1988.

- a) Terangkan ***tujuan penilaian prestasi*** dilaksanakan? (6 markah)
- b) Apakah yang didefinisikan dengan **pegawai penilaian semula** mengikut tatacara Penilaian Prestasi Kakitangan Dalam Perkhidmatan Awam? (3 markah)
- c) Sila terangkan sistem penilaian menggunakan ***konsep sistem terbuka***. (4 markah)
- d) Seorang pegawai dalam Bahagian II telah memperolehi markah 63% dalam penilaian prestasinya. Apakah ***tahap prestasi*** yang diperolehinya dan berapakah ***kadar peratus bonus*** yang akan diterimanya? Sebutkan ***tiga (3) insentif*** yang ada kaitannya dengan sistem Penilaian Prestasi Kakitangan Dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. (4½ markah)

\*\*\*\*\*SEMOGA BERJAYA\*\*\*\*\*